

**MUHAMMAD YUSUF AHMAD, Dato'** (1900–1980), pentadbir dan penulis. Dia lahir pada 17 September 1900 di Batu Kikir, Negeri Sembilan. Muhammad Yusuf ialah adik kepada Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). Dia mendapat pendidikan formal di Sekolah Melayu Batu Kikir dan Linggi (1907–1912). Kemudian dia menjadi guru pelatih dan seterusnya mengikuti kursus perguruan selama dua tahun di Maktab Perguruan Melayu Melaka (1914–1916). Dari tahun 1916 hingga tahun 1919, Muhammad Yusuf menyambung pelajarannya di Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan menamatkan pengajiannya hingga Darjah Tujuh.

Muhammad Yusuf kemudian terpilih memasuki Kelas Khas yang membolehkannya menyertai Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (Malay Administrative Services). Kemudian dia ditawarkan oleh R.O. Winstedt untuk menjadi pelatih dalam Perkhidmatan Pentadbiran Pendidikan (Malay Education Service) yang baru ditubuhkan. Dia lulus latihan sebagai pegawai sementara yang sepatutnya mengambil masa dua tahun dalam masa enam bulan sahaja. Dari tahun 1920 hingga tahun 1940, dia bertugas sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu bagi negeri Selangor. Pada tahun 1941, dia dilantik sebagai Penolong Pengetua, Sultan Idris Training College (SITC). Dari tahun 1943 hingga tahun 1945, dia bertugas sebagai pensyarah Bahasa Melayu di Tenri College of Foreign Language (kini Tenri University), Jepun. Dia kembali menjawat jawatan yang sama di SITC pada tahun 1946 hingga dia bersara secara pilihan pada 1 Januari 1951.



Muhammad Yusuf Ahmad

Muhammad Yusuf mula terlibat dalam bidang kesusa-teraan apabila dia menjadi salah seorang anggota pengarang *Majalah Guru*. Dia menulis tentang ekonomi, sosial dan pendidikan dengan menggunakan nama samaran Anak Negeri. Dalam cerita bersiri, dia menggunakan nama samaran Jentayu dan dalam ruangan wanita pula, dia menggunakan nama samaran, Melur. Antara tulisan Muhammad Yusuf yang diterbitkan dalam *Majalah Guru* ialah "Bangsa Asing Menuntut Masuk ke Dalam Jawatan Memerentah Tanah Melayu" (Disember 1926), "Tanah Air Kita" (September 1929), "Negeri-negeri Melayu Bukannya Crown Colony" (Mac 1930) dan "Bagaimana Melayu Boleh Melawan China di Dalam Pertandingan Kehidupan" (1931). Selain menulis untuk *Majalah Guru*, dia juga menulis dalam *Utusan Melayu*, *Lidah Benar*, *Majlis*, *Cenderamata* dan *Bulan Melayu*.

Muhammad Yusuf turut menyumbang karya dengan bentuk cerita bersiri. Dua buah karyanya yang terawal iaitu *Percintaan Lady Brazil* dan *Cubaan Kasih* merupakan adaptasi daripada karya Inggeris dengan persoalan cinta dan latar belakang kelas menengah atas. Manakala *Zaman Sari* berlatarbelakangkan masyarakat Melayu desa yang mendekati novel *Picaresque* dalam plot dan wataknya. *Siti Maznah* dan *Hidup Kalkatu* menyentuh rahsia kehidupan pelacur di bandar besar, *Menghalau Hantu* pula menyindir adat lama orang Melayu dan *Mencari Isteri* membawa tema perkahwinan campur.

Muhammad Yusuf telah terlibat dalam pertubuhan pengakap sejak berumur 26 tahun. Pada tahun 1957, dia merupakan bumiputera pertama menjadi Pesuruhjaya Agung Pengakap Tanah Melayu. Dia pernah dianugerahi Medal of Merit (1940), Silver Accorn (1953), Silver Wolf (1956) dan Semangat Padi (1958).

Setelah bersara, Muhammad Yusuf dilantik sebagai ahli tidak rasmi Mesyuarat Undangan Persekutuan (1951–1955), Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan (1954–1955), Setiausaha Sulit Yang di-Pertuan Agong (1956–1960), Pengurus Lembaga Pengurus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris Linggi (1956–1971), ahli Lembaga Bandaran Port Dickson dan ahli Jawatan-kuasa Muhibah Mukim Linggi (1956–1972).

Muhammad Yusuf telah dianugerahi pingat Johan Mangku Negara (J.M.N), 1959; Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.), 1968; Jaksa Pendamai (1973); Tokoh Guru (1979) dan Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (D.S.N.S.), 1980 yang membawa gelaran Dato'. Sebagai mengenang jasanya, nama Muhammad Yusuf diabadikan untuk Sekolah Menengah Dato' Muhammad Yusuf, Linggi.

Muhammad Yusuf meninggal dunia pada 21 Disember 1980 di Linggi.